



Ruj Kami: JANM.600-2/2/4 (8)
Tarikh : 16 Oktober 2024

Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2024
(LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kertas Kerja Sokongan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 (Lejar Akruan) hendaklah disediakan bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Ketua Akauntan dan Pengarah Negeri/Cawangan hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan mengikut Panduan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan yang disertakan bersama surat ini;
- (b) Memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan adalah lengkap dan sempurna untuk dikemukakan kepada wakil Ketua Audit Negara;
- (c) Memastikan Kertas Kerja Sokongan dikemukakan kepada BPOPA sebanyak **dua (2) salinan** dengan sesalinan surat litup kepada BPOPP selewat-lewatnya pada **11 November 2024 (Isnin)** bagi Penutupan Akaun Interim dan **28 Mac 2025 (Jumaat)** bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun; dan
- (d) Menyediakan **satu (1) salinan** Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun di peringkat Kementerian untuk tujuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Senarai dokumen dan tarikh akhir untuk mengemukakan Kertas Kerja Sokongan kepada Jabatan Audit Negara akan dimaklumkan melalui surat yang berasingan.

3. Kertas Kerja Sokongan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Akauntan Kementerian, Pengarah Negeri/Cawangan dan PTJ. Format Kertas Kerja Sokongan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di pautan <https://www.anm.gov.my>.

4. **Pengarah Negeri/Cawangan hendaklah mengeluarkan arahan kepada semua PTJ di bawah seliaannya untuk menyediakan pengesahan baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut format yang ditetapkan.** Pengesahan ini hendaklah disediakan dalam tempoh yang sewajarnya untuk dikemukakan kepada Ketua Akauntan Kementerian bagi tujuan penyediaan pengesahan peringkat Kementerian. **Ketua Akauntan Kementerian hendaklah memastikan pengesahan baki adalah bersamaan dengan baki yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kementerian.**

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Kertas Kerja Sokongan bagi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORLIDA BINTI MOHD KHALID c.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

bp: Akauntan Negara Malaysia

s.k:

P BPOPA

P BPOPP